



Untuk Siaran Segera

INSIDEN PERANCAH BESI PEMBINAAN LEBUHRAYA JATUH

Kuala Lumpur, 19 Jun 2021 – Projek Lintasan Damansara-Shah Alam Sdn. Bhd., pemaju bagi projek pembinaan Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH) mengesahkan berlaku insiden perancah besi atau ‘scaffolding’ jatuh di dalam kawasan tapak pembinaan lebuh raya DASH berhampiran Kota Damansara lewat petang tadi.

Dalam kejadian tersebut, dua pekerja warga Bangladesh cedera dan telah dibawa ke Hospital Sungai Buloh untuk mendapatkan rawatan. Insiden tidak membabitkan pengguna lebuhraya atau orang awam kerana ianya berlaku di dalam kawasan pembinaan yang bertutup. Pasukan *Emergency Response Team* (ERT) DASH telah berada di tapak kejadian untuk mengawal trafik dan mengalihkan perancah besi yang terlibat.

Sehubungan dengan itu, arahan pemberhentian kerja di tapak pembinaan telah dikeluarkan dengan serta merta. Pihak pemaju dan kontraktor utama terlibat akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak berwajib dalam melakukan siasatan.

Pihak kami akan mengeluarkan kenyataan susulan berkaitan insiden ini dari masa ke semasa. Untuk mendapatkan maklumat terkini atau menghantar maklumbalas, sila berhubung dengan saluran komunikasi seperti berikut:

Nombor hotline : 1 300 88 5522
Emel : feedback.dash@prolintas.com.my

- Tamat -
